SULIT

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

JABATAN PERDAGANGAN

PEPERIKSAAN AKHIR

SESI I : 2024/2025

DPA40093 : FINANCIAL ACCOUNTING 4

TARIKH : 23 NOVEMBER 2024
MASA : 11.30 PAGI - 1.30 PETANG (2 JAM)

Kertas ini mengandungi **DUA BELAS (12)** halaman bercetak.
Struktur (4 soalan)
Dokumen sokongan yang disertakan : Tiada

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIARAHKAN

(CLO yang tertera hanya sebagai rujukan)

SULIT

INSTRUCTION:

This section consists of **FOUR (4)** subjective questions. Answers **ALL** the questions.

ARAHAN:

*Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan subjektif. Jawab **SEMUA** soalan.*

QUESTION 1

CLO1 (a) Tiggo Ltd. entered a lease contract for a factory machine for a period of 5 years. The commencement date of the contract is on 1 January 2024. The rental lease payment is RM30,000 annually which was paid on the 31 December each year. The implicit borrowing rate was 6% per annum and the initial direct cost was RM10,000, which was paid on the commencement date. The financial year end for Tiggo Ltd. is on the 31 December annually.

Extract of Present Value Interest Factor Annuity (PVIFA) table is given below:

Period	1%	2%	3%	4%	5%	6%	7%	8%
1	0.9901	0.9804	0.9709	0.9615	0.9524	0.9434	0.9346	0.9259
2	1.9704	1.9416	1.9135	1.8861	1.8594	1.8334	1.8080	1.7833
3	2.9410	2.8839	2.8286	2.7751	2.7232	2.6730	2.6243	2.5771
4	3.9020	3.8077	3.7171	3.6299	3.5460	3.4651	3.3872	3.3121
5	4.8534	4.7135	4.5797	4.4518	4.3295	4.2124	4.1002	3.9927
6	5.7955	5.6014	5.4172	5.2421	5.0757	4.9173	4.7665	4.6229
7	6.7282	6.4720	6.2303	6.0021	5.7864	5.5824	5.3893	5.2064
8	7.6517	7.3255	7.0197	6.7327	6.4632	6.2098	5.9713	5.7466
9	8.5660	8.1622	7.7861	7.4353	7.1078	6.8017	6.5152	6.2469
10	9.4713	8.9826	8.5302	8.1109	7.7217	7.3601	7.0236	6.7101

You are required to identify:

i. value of lease liability [2 marks]

ii. cost of right-of-use asset (ROU) and; [2 marks]

iii. annual depreciation for ROU asset [1 mark]

CLO 1 (b) Based on the information in (a), report a schedule of lease liability payment for 5 years and journal entries for the year 2024.

[10 marks]

CLO1 (c) Tarro Ltd. has borrowed RM 1,700,000 from Catto Financial Institute on 1 January 2023. Below is the breakdown of the various financial sources:

Types of Financing	RM	Interest (RM)
8% Redeemable Preference Shares	550,000	44,000
10% Loan Stock	780,000	78,000
7% Term Loan	370,000	25,900
TOTAL	**1,700,000**	**147,900**

RM800,000 of the total loan was used to construct a building for a shop lot. The building is estimated to take approximately two years to complete. The construction started on 1 January 2023 but was temporarily stopped for two months in 2023 due to a shortage of raw materials. The construction was completed and ready for use on 1 January 2025. The financial year-end for Tarro Ltd. is on 31 December annually.

i. Calculate the capitalization rate for this general borrowing.

[4 marks]

ii. Calculate the borrowing cost to be capitalized and interest to be charged as expense for the year 2023.

[3 marks]

iii. Prepare the journal entry to record the borrowing cost to be capitalized and interest expense for the year 2023.

[3 marks]

SOALAN 1

CLO1 *(a)* *Tiggo Ltd. menandatangani kontrak untuk menyewa sebuah mesin kilang untuk tempoh 5 tahun. Tarikh permulaan kontrak ialah pada 1 Januari 2024. Bayaran sewa mesin itu ialah RM30,000 setahun yang dibayar pada 31 Disember setiap tahun. Kadar pinjaman tersirat adalah 6% setahun dan kos langsung awal adalah RM10,000, telah dibayar pada tarikh permulaan kontrak. Akhir tahun kewangan untuk Tiggo Ltd. adalah pada 31 Disember setiap tahun.*

Berikut adalah petikan jadual PVIFA:

Period	1%	2%	3%	4%	5%	6%	7%	8%
1	0.9901	0.9804	0.9709	0.9615	0.9524	0.9434	0.9346	0.9259
2	1.9704	1.9416	1.9135	1.8861	1.8594	1.8334	1.8080	1.7833
3	2.9410	2.8839	2.8286	2.7751	2.7232	2.6730	2.6243	2.5771
4	3.9020	3.8077	3.7171	3.6299	3.5460	3.4651	3.3872	3.3121
5	4.8534	4.7135	4.5797	4.4518	4.3295	4.2124	4.1002	3.9927
6	5.7955	5.6014	5.4172	5.2421	5.0757	4.9173	4.7665	4.6229
7	6.7282	6.4720	6.2303	6.0021	5.7864	5.5824	5.3893	5.2064
8	7.6517	7.3255	7.0197	6.7327	6.4632	6.2098	5.9713	5.7466
9	8.5660	8.1622	7.7861	7.4353	7.1078	6.8017	6.5152	6.2469
10	9.4713	8.9826	8.5302	8.1109	7.7217	7.3601	7.0236	6.7101

Anda dikehendaki untuk mengenal pasti:

i. *nilai liabiliti pajakan* [2 *markah*]

ii. *kos aset 'right-of-use' (ROU) dan;* [2 *markah*]

iii. *susutnilai tahunan untuk aset ROU* [1 *markah*]

CLO1 *(b)* *Berdasarkan maklumat di (a), laporkan jadual pembayaran liabiliti pajakan bagi tempoh 5 tahun dan catatan jurnal bagi tahun 2024.*

[*10 markah*]

CLO1 (c) *Tarro Ltd. telah meminjam sebanyak RM 1,700,000 daripada Institut Kewangan Catto pada 1 Januari 2023. Berikut adalah pecahan kepada pelbagai sumber kewangan:*

Jenis Pinjaman	***RM***	***Faedah (RM)***
8% Saham Utama Boleh Tebus	*550,000*	*44,000*
10% Pinjaman Stok	*780,000*	*78,000*
7% Pinjaman Bertempoh	*370,000*	*25,900*
JUMLAH	***1,700,000***	***147,900***

RM800,000 daripada jumlah pinjaman itu digunakan untuk membina sebuah bangunan kedai. Bangunan ini akan mengambil masa dua tahun untuk disiapkan. Pembinaannya bermula pada 1 Januari 2023 dan terhenti sementara selama dua bulan dalam tahun 2023 kerana kekurangan bahan mentah. Pembinaan tersebut telah siap dan sedia untuk digunakan pada 1 January 2025. Tempoh perakaunan Tarro Ltd. adalah berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

i. *Kirakan kadar permodalan untuk pinjaman umum ini.*

[4 *markah*]

ii. *Hitungkan kos pinjaman yang akan dipermodalkan dan belanja faedah bagi tahun 2023.*

[3 *markah*]

iii. *Sediakan catatan jurnal untuk merekodkan kos pinjaman yang akan dipermodalkan dan belanja faedah bagi tahun 2023.*

[*3 markah*]

QUESTION 2

The retained earnings for Tommy Ltd. as of 1 January 2023 were RM 1,500,000. During the audit process for the financial year ending 31 December 2023, the following situations were identified:

i. On 1 January 2023, Tommy Ltd. revised the remaining useful life of a machine to 5 years. The machine was acquired by the company on 1 January 2020 at a cost of RM50,000 and was initially depreciated over the expected useful life of 10 years.

ii. The payment for interest expenses should have been recorded as RM1,200 for the year 2022, but it was mistakenly recorded as only RM1,000.

iii. It was discovered that the retained earnings had been overstated by RM45,000 due to unrecorded accrued salary in the year 2022.

iv. On 1 January 2023, the purchase of office equipment at a cost of RM25,000 was recorded as a maintenance expense. The director decided to depreciate office equipment at 20% per annum.

v. In 2023, the director decided to change stock valuation method from First In First Out to Weighted Average method.

Based on the situations above, you are required to:

CLO1 (a) Identify whether each situation represents changes in accounting policy, a change in accounting estimate or an error.

[5 marks]

CLO1 (b) Express each of the provided situations into journal entries (the provided situations are related to each other and show calculations where necessary).

[10 marks]

CLO1 (c) Prepare the extract of Statement of Changes in Equity (retained profit column only) for the year ended 31 December 2023 and extract of Statement of Financial Position as at 31 December 2023.

[10 marks]

SOALAN 2

Pendapatan tertahan bagi Tommy Ltd. sehingga 1 Januari 2023 adalah RM1,500,000. Semasa proses pengauditan bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2023, situasi berikut telah dikenal pasti:

i. *Pada 1 Januari 2023, Tommy Ltd. menyemak semula baki jangka hayat mesin kepada 5 tahun. Mesin ini telah dibeli oleh syarikat pada 1 Januari 2020 dengan kos RM50,000 dan pada mulanya susutnilai berdasarkan jangka hayat 10 tahun.*

ii. *Bayaran perbelanjaan faedah sepatutnya RM1,200 dan telah tersalah rekod sebagai RM1,000 sahaja pada tahun 2022.*

iii. *Didapati pendapatan tertahan telah terlebih catat sebanyak RM45,000 disebabkan gaji terakru yang tidak direkodkan pada tahun 2022.*

iv. *Pada 1 Januari 2023, pembelian peralatan pejabat dengan kos RM25,000 telah direkodkan sebagai perbelanjaan penyelenggaraan. Pengarah telah memutuskan untuk menyusut nilai peralatan pejabat pada kadar 20% setahun.*

v. *Pada tahun 2023, pihak pengarah telah mengambil keputusan untuk mengubah kaedah penilaian stok daripada kaedah Masuk Dulu Keluar Dulu kepada kaedah Purata Wajaran.*

Berdasarkan situasi di atas, anda dikehendaki:

CLO1 *(a)* *Kenalpasti sama ada setiap situasi di atas adalah perubahan kepada polisi perakaunan, perubahan dalam anggaran ataupun kesilapan perakaunan.*

[*5 markah*]

CLO1 *(c)* *Laporkan setiap situasi di atas ke dalam transaksi jurnal (setiap situasi di atas adalah berkait dan tunjukkan semua pengiraan jika ada)*

[*10 markah*]

CLO1 *(d)* *Sediakan petikan Penyata Perubahan Ekuiti (kolum untung tertahan sahaja) bagi tahun berakhir 31 Disember 2023 dan ekstrak Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2023.*

[*10 markah*]

QUESTION 3

CLO1 (a) Darli Bhd. purchased a vehicle for company use on 1 January 2020 at a cost price of RM300,000. The estimated useful life for the vehicle is 10 years. On 30 December 2023, the vehicle involved in an accident, and it is barely useable. Consequently, the value in use of the vehicle was estimated at RM160,000. Since the vehicle is a classic car, there is a demand for the parts. This results in a fair value less cost to sell of RM120,000. You are required to report in detail the amount of impairment loss of the vehicle as of 31 December 2023. Show all necessary workings.

[5 marks]

CLO1 (b) Johan Bhd. runs a project that has suffered a massive drop in income due to the failure of its outdated machine. On 31 December 2023, the carrying amount of the assets were recorded in the accounting books as follows:

ASSETS	**RM**
Goodwill	2,000
Equipment	500,000
Machine	1,000,000
	1,502,000

The recoverable value for the cash-generating unit is estimated to be RM850,000.

i. Show the allocation of the impairment loss for each asset above.

[10 marks]

ii. Illustrate the above transactions into an appropriate journal entry.

[5 marks]

CLO1 (c) Based on the answer to (b), propose a new Statement of Financial Position as of 31 December 2023.

[5 marks]

SOALAN 3

CLO1 (a) *Darli Bhd. membeli sebuah kenderaan untuk kegunaan perniagaan pada 1 Januari 2020 pada harga kos sebanyak RM300,000. Anggaran jangka hayat penggunaan kenderaan ini adalah selama 10 tahun. Pada 30 Disember 2023, kenderaan tersebut telah terlibat dalam kemalangan dan hampir tidak boleh digunakan lagi. Di sebabkan itu, nilai penggunaan kenderaan tersebut dianggarkan berjumlah RM160,000. Memandangkan kenderaan tersebut merupakan kereta klasik, terdapat permintaan untuk alat gantinya. Ini menyebabkan nilai saksama selepas ditolak untuk dijual sebanyak RM120,000. Anda dikehendaki melaporkan secara terperinci jumlah kerugian kerosakan kenderaan tersebut pada 31 Disember 2023. Tunjukkan semua jalan kerja yang diperlukan.*

[5 markah]

CLO1 (b) *Johan Bhd. menjalankan projek yang sedang mengalami kejatuhan pendapatan yang teruk akibat kegagalan mesin yang sudah lapuk beroperasi. Pada 31 Disember 2023, nilai buku aset yang telah direkodkan di dalam buku adalah seperti berikut:*

ASET	***RM***
Muhibbah	*2,000*
Peralatan	*500,000*
Mesin	*1,000,000*
	1,502,000

Nilai boleh pulih untuk unit penjanaan tunai dianggarkan berjumlah RM850,000.

i. Tunjukkan peruntukan rosotnilai bagi setiap aset di atas.

[10 markah]

ii. Gambarkan urusniaga di atas ke dalam catatan jurnal yang sesuai.

[5 markah]

CLO1 (c) *Berdasarkan soalan (b) cadangkan Penyata Kedudukan Kewangan yang baru pada 31 Disember 2023.*

[5 markah]

QUESTION 4

The following Trial Balance was extracted from Minho Berhad as at 31 December 2023.

Minho Berhad Trial Balance as at 31 December 2023		
	RM	**RM**
Ordinary share @ RM 2.00 each		390,000
Retained earnings		33,000
10% debentures		40,000
Machines	250,000	
Accumulated depreciation – machines		50,000
Vehicles	180,000	
Accumulated depreciation – vehicles		30,000
Insurances	24,000	
Bank	259,000	
Gross profit		220,000
Inventory as at 1 January 2023	5,000	
Utility expenses	21,000	
Debenture interest	1,000	
Salaries	17,000	
Tax paid	10,000	
General reserve		12,000
Account receivables & payables	45,000	57,000
Interim dividend for Ordinary Shares	15,000	
Interim dividend for Preference Shares	3,000	
Audit fees	2,000	
	832,000	**832,000**

Additional information:

1. It was discovered that the retained earnings have been overstated by RM 5,000 due to unrecorded accrued salary for the year 2022.
2. Depreciation of machines is 15% per annum using the reducing balance method and vehicles at 10% per annum using the straight line method.
3. Insurance was paid for 12 months starting from 1 April 2023.
4. Debentures interests were still accrued at the end of the financial year.
5. The company tax is RM25,000 and closing inventory at RM5,000.

You are required to prepare:

CLO1 (a) Statement of Profit and Loss and Comprehensive Income for the year ended 31 December 2023.

[10 marks]

CLO1 (b) Statement of Changes in Equity for the year ended 31 December 2023.

[5 marks]

CLO1 (c) Statement of Financial Position as at 31 December 2023.

[10 marks]

SOALAN 4

Berikut adalah Imbangan Duga yang diekstrak daripada Minho Berhad pada 31 Disember 2023.

Minho Berhad ***Imbangan Duga Pada 31 Disember 2023***		
	RM	***RM***
Saham Biasa @ RM 2.00 seunit		*390,000*
Pendapatan tertahan		*33,000*
10% dibentur		*40,000*
Mesin	*250,000*	
Peruntukan susutnilai – mesin		*50,000*
Kenderaan	*180,000*	
Peruntukan susutnilai – kenderaan		*30,000*
Insuran	*24,000*	
Bank	*259,000*	
Untung kasar		*220,000*
Inventori pada 1 Januari 2023	*5,000*	
Belanja utiliti	*21,000*	
Faedah dibentur	*1,000*	
Gaji	*17,000*	
Belanja cukai	*10,000*	
Rizab am		*12,000*
Akaun belum terima & belum bayar	*45,000*	*57,000*
Dividen interim untuk Saham Biasa	*15,000*	
Dividen interim untuk Saham Utama	*3,000*	
Yuran audit	*2,000*	
	832,000	***832,000***

Maklumat tambahan:

1. *Didapati bahawa pendapatan terkumpul telah terlebih catat sebanyak RM5,000 disebabkan oleh gaji terakru yang tidak direkodkan pada tahun 2022.*
2. *Susut nilai bagi mesin adalah 15% setahun menggunakan kaedah baki berkurangan dan kenderaan adalah pada kadar 10% setahun menggunakan kaedah garis lurus.*
3. *Insuran telah dibayar untuk 12 bulan bermula dari 1 April 2023.*
4. *Faedah dibentur masih lagi terakru pada akhir tahun perakaunan.*
5. *Cukai syarikat adalah RM25,000 dan baki akhir inventori adalah RM5,000.*

Anda dikehendaki menyediakan:

CLO1 (a) *Penyata Untung atau Rugi dan Pendapatan Komprehensif bagi tahun berakhir 31 Disember 2023.*

[*10 markah*]

CLO1 (b) *Sediakan Penyata Perubahan Ekuiti bagi tahun berakhir 31 Disember 2023.*

[*5 markah*]

CLO1 (c) *Sediakan Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2023.*

[*10 markah*]

SOALAN TAMAT